

PETA DAERAH

(Sumber Rujukan: Pekeliling KPUP 3/2004)

Produk JUPEM yang menjadi rujukan kepada pengguna tertumpu kepada peta-peta topografi dan peta negeri untuk tujuan perancangan, pembangunan fizikal, pengawalan dan pemantauan alam sekitar serta keselamatan. Kini wujud permintaan pengguna terhadap maklumat yang lebih khusus dan terperinci. Agensi-agensi kerajaan di peringkat daerah memerlukan maklumat yang memberikan fokus kepada daerah di bawah pentadbirannya bagi membantu dalam urusan sehariannya. Sementara itu, masyarakat tempatan pula berkehendakan maklumat bagi kawasan persekitaran atau berhampiran. Maka dengan itu timbul keperluan untuk menerbitkan peta berskala sederhana yang meliputi kawasan yang lebih kecil seperti daerah pentadbiran atau daerah parlimen yang dipopulasikan dengan maklumat yang memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai. Proses penyediaan Peta Daerah Siri MYS 8201R akan melibatkan beberapa aktiviti dan tanggungjawab di Seksyen Kartografi, Bahagian Pemetaan, dan JUPEM Negeri.

Tanggungjawab Seksyen Kartografi

- a. Susunan Data
 - Data seperti jaringan jalan, sungai, bandar, pekan, kampung, persempadanan mukim dan daerah dan lain-lain disusun daripada pangkalan data 1:50000 dan 1:25000.
 - Maklumat bagi kawasan bandar pentadbiran daerah (peta inset) disusun daripada pangkalan data topografi 1:5000, sekiranya ada.
 - Maklumat tambahan disusun daripada sumber yang diterima daripada JUPEM negeri.
- b. Susun Atur Peta Daerah
 - Peta daerah disediakan mengikut rekabentuk, kandungan, persembahan butiran, format dan skala sepertimana dinyatakan dalam Spesifikasi Peta Daerah Siri MYS 9201 R.
 - Pruf peta daerah diedarkan kepada JUPEM negeri berkenaan, Seksyen Perkhidmatan Pemetaan, Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan) untuk semakan dan pengesahan, seterusnya kepada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan untuk kelulusan.
- c. Suntingan Data
 - Butiran peta daerah disunting berpandukan ulasan pada pruf dan lain-lain maklumat tambahan daripada JUPEM negeri, sekiranya ada.
 - Data cetak yang muktamad dimajukan ke Seksyen Percetakan untuk proses cetak peta daerah.

Tanggungjawab JUPEM Negeri


- a. Pengumpulan Maklumat Daripada Sumber Lain
 - Maklumat tambahan yang perlu diperolehi terdiri daripada butiran seperti sempadan bandar, sempadan pekan, rizab Melayu, nama kampung, sekolah, klinik, masjid, kemudahan awam, taman perumahan, sempadan majlis perbandaran, jaringan jalan, klasifikasi jalan, nombor laluan. Maklumat ini seboleh-bolehnya dalam bentuk digital.
 - Agensi atau sumber yang berwibawa dalam membekalkan maklumat yang boleh dihubungi adalah seperti Pejabat Tanah dan Daerah, Majlis Daerah / Perbandaran / Bandaraya, JKR Daerah dan lain-lain pihak yang boleh membekalkan maklumat diperlukan wajar juga dihubungi.
 - Mengkordinasi aktiviti pengumpulan maklumat bersama agensi berkaitan melalui mesyuarat serta koresponden yang berterusan supaya maklumat terkini diperolehi. Maklumat yang terkumpul disalurkan kepada Seksyen Kartografi serta disimpan satu salinan.
- b. Semakan Pruf
 - Butiran pada pruf disemak, dibuat ulasan dan dikemaskini berpandukan maklumat semasa, koresponden dengan agensi punca serta verifikasi dan ukuran di lapangan.
 - Pruf yang telah dibuat ulasan dan dikemaskini dikembalikan kepada Seksyen Kartografi bersama lain-lain maklumat, sekiranya ada.
 - Tempoh masa untuk semakan pruf adalah enam minggu daripada tarikh penerimaan pruf.

Disusun oleh:

Tuan Stia Bin Tuan Sulong

Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN

Carta Aliran Untuk Penyediaan Peta Daerah Siri MYS 8201R



Disusun oleh:
Tuan Stia Bin Tuan Sulong
Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN